

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Khamis 11.07.2024

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my

3

lokal

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hme-
tro.com.my

Kuala Lumpur

Sindiket 'doktor estetik' warga asing dike-
san mengupah rakyat
tempatan sebagai pengar-
rah syarikat untuk men-
jalankan operasi pusat
rawatan kecantikan haram di ibu kota.

Difahamkan, sindiket terbabit menawarkan gaji bulanan tinggi bagi menarik anak muda menyertai syarikat mereka tanpa mengetahui akibat yang bakal ditanggung.

Tindakan 'doktor' dari China yang disyaki tidak mempunyai lesen sah dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) itu bukan hanya untuk menyakinkan pelanggan, malah memudahkan mereka melarikan diri sekiranya berlaku perkara tidak diingini, sekali gus meletakkan tanggungjawab terhadap pengarah dilantik.

Salah seorang mangsa muh dikenali Teow, 24, berkata, dia ditawarkan jawatan pengarah oleh seorang lelaki warga China mendakwa pakar bedah estetik yang dikenalinya kira-kira empat tahun lalu.

"Sebelum ini saya pernah mendapatkan khidmat pembedahan hidung dengan doktor terbabit dan selepas prosedur selesai, saya tidak puas hati kerana hidung sengget."

"Dia tidak mahu bertanggungjawab menyebabkan saya terpaksa membuat

Umpang gaji RM7,000 supaya jadi 'pengarah'

Tawaran 'doktor estetik' warga China buat rakyat tempatan demi lindungi operasi pusat rawatan kecantikan haram di ibu kota

pembedahan membaiki se-
mulah hidung saya di Thai-
land," katanya dalam si-
dang media di Wisma
MCA, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Ba-
bagian Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA Da-
tuk Seri Michael Chong.

Bercerita lanjut, wanita terbabit berkata, pada 21 Jun lalu, dia berhubung semula dengan doktor itu untuk memohon kerja dan ditawarkan pekerjaan sebagai kerani dengan gaji RM5,000.

Teow yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengaku teruja dengan tawaran itu lalu bersetuju untuk bekerja di pusat rawatan kecantikan di Kuala Lumpur selain perlu melakukan tugas di cawangan pusat kecantikan berkenaan di Johor Bahru sebanyak tiga kali seminggu.

Bagaimanapun, katanya, apabila melaporkan diri, dia dipaksa menandatangani beberapa dokumen dan ditawarkan tambahan gaji RM2,000 sebagai pengarah syarikat.

"Saya berasa pelik lalu me-

minta penjelasan, tapi 'doktor' itu memberi pelbagai alasan. Saya bertanya kepada rakan yang bekerja dalam bidang sama dan diberitahu ia berisiko lalu menasihati saya untuk berhenti kerja.

"Saya segera menghantar surat perletakan jawatan sebagai kerani dan pengarah, tapi diberitahu saya sudah menandatangi dokumen yang tidak membe-

narkan saya meletak ja-
watan sebagai pengarah sehingga mendapat pen-
garah ganti," katanya.

Berikutnya bimbang berlaku perkara tidak diingini, dia tampil membuat laporan

polis di Balai Polis Sentul,
di sini, pada 22 Jun lalu.

Sementara itu, Michael berkata, pihaknya menerima beberapa aduan mengenai modus operandi doktor estetik palsu yang menggunakan rakyat tempatan sebagai pengarah syarikat bagi mengelak ma-

salah dan mengaburi pihak berkuasa.

Beliau berkata, pihaknya sudah melaporkan perkara itu kepada Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan KKM untuk tindakan lanjut bagi mengelak sin-
diket terbabit terus berle-
luasa dan lebih ramai men-
jadi mangsa.



“
Saya segera menghantar surat perletakan jawatan sebagai kerani dan pengarah
Teow

VIE HAIL
bersama Teow
ikanan pada
sidang media
di Wisma MCA,
semalam

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

Pesakit diabetes, darah tinggi paling terjejas

Ramai masuk hospital angkara durian

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA — Rata-rata individu yang menghidap penyakit kencing manis dan darah tinggi dilaporkan paling ramai mendapatkan rawatan di hospital khususnya pada musim 'raja buah' ekoran berdepan masalah peningkatan kandungan asid dalam badan.

Masalah dikenali sebagai ketoadiosis diabetik (DKA) itu tercusus apabila tubuh badan pesakit menghasilkan lebih banyak asid darah yang dikenali sebagai keton apabila terlalu banyak menikmati buah durian.

Pakar kesihatan awam, Dr. Hanafiah Bashirun berkata, pesakit kencing manis mempunyai risiko tinggi berdepan DKA ekoran tindak balas insulin rendah berbanding individu normal.

"Bagi pesakit kencing manis, insulin mereka kurang responsif seperti individu normal, jadi apabila gula naik tinggi, lebih-lebih lagi jika tidak memakan ubat mengikut masa ditetapkan, makannya lebih mudah terjadi DKA.

"Dalam bahasa mudah, DKA terjadi apabila berlaku kandungan gula terlalu tinggi dalam badan selepas pengambilan durian yang tidak terkawal.

"Berbeza dengan orang normal, jika durian diambil dengan kuantiti tinggi, namun paras gula akan turun dengan cepat memandangkan insulin dalam badan bertindak secara pantas," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Pada masa sama, pesakit buah pinggang juga tidak digalakkan memakan durian kerana kandungan potassium yang lebih tinggi berbanding pisang.

Ia sekali gus berupaya menyebabkan masalah hyperkalemia yang meningkatkan risiko serangan jantung dan masalah pernafasan kepada pesakit terutamanya mereka yang



PENGAMBILAN buah durian tanpa kawalan boleh mengakibatkan pesakit kencing manis berdepan masalah DKA. — GAMBAR HIASAN



DR. HANAFIAH

menghidap diabetes.

Mengulas lanjut, jelas Dr. Hanafiah, peningkatan asid dalam badan yang tinggi pada masa singkat juga akan menyebabkan beberapa komplikasi kepada organ lain seperti jantung selain kegagalan buah pinggang dan otak.

"DKA juga menyebabkan komplikasi pada tiga organ penting manusia iaitu jantung, otak dan buah pinggang kerana ia

terjadi ekoran peningkatan gula tinggi dalam badan yang menyebabkan pengumpulan asid.

"Ia seterusnya akan menyebabkan risiko lain kepada pesakit seperti buah pinggang rosak, strok, dan beberapa lagi kerana tidak ada pengawalan ketika mengambil durian," jelasnya.

Susulan itu, Dr. Hanafiah menasihatkan orang ramai khususnya mereka yang mempunyai penyakit berkaitan untuk terus mengawal nafsu ketika menikmati raja buah bagi mengelakkkan risiko penyakit lain.

"Nasihat saya mudah sahaja, pesakit kencing manis, kalau teringin mahu makan durian, makanlah seulus sahaja, tetapi pastikan ambil ubat atau cucuk insulin mengikut waktu.

"Tidak salah untuk lepas keinginan, namun perlu ikut ketetapan disarankan pegawai perubatan seperti ambil ubat ikut masa ditetapkan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : NASIONAL

Cadangan turun had umur saringan HIV perlu diperhalusi

PUTRAJAYA - Cadangan menurunkan had umur dari 18 kepada 16 tahun bagi menjalani saringan penyakit Human Immunodeficiency Virus (HIV) dilihat dapat meningkatkan akses perkhidmatan kesihatan yang komprehensif kepada remaja.

Bagaimanapun, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berpendangan, cadangan tersebut perlu diperhalusi dengan teliti sebelum dilaksanakan kerana ia melibatkan perundungan sedia ada yang masih berkuat kuasa.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat menggalakkan saringan HIV dilakukan seawal mungkin apabila seseorang itu terdedah kepada risiko jangkitan.

"Saringan awal akan membolehkan diagnosis dikesan awal dan seterusnya diberikan rawatan bagi memastikan kesihatan diri terpelihara," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai cadangan tersebut yang dibangkitkan Majlis AIDS Malaysia (MAC).

Naib Presiden MAC, Dr Dinesh Mahalingam berkata, cadangan tersebut akan meningkatkan kualiti kesihatan dan manajuri realiti generasi muda yang semakin terkesan dengan epidemi HIV, virus yang memusnahkan sistem ketahanan badan seseorang dan menyebabkan penyakit AIDS.



DR DZULKEFLY

Menurutnya, langkah berkenaan dapat mendidik pelajar mengenai aspek kesihatan seksual selari dengan trend global yang menggalakkan umur ujian lebih rendah.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly berkata, sesi libat urus dengan kementerian, agensi dan pihak yang terlibat juga perlu dijalankan untuk meneliti lebih lanjut termasuk dari aspek pelaksanaan cadangan berkenaan.

"Saringan HIV untuk kanak-kanak di bawah umur 18 tahun pada amnya boleh dijalankan dengan mendapat persetujuan ibu bapa atau penjaga sebagai mana yang ditetapkan di bawah Akta Kanak-kanak (pindaan) 2016," jelasnya.



AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

RM141.1mil in vape taxes collected, says PM

THE Finance Ministry has collected RM141.1mil in tax revenue from vape, says Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Apart from nicotine gel and liquid used in e-cigarettes, an excise duty of 40sen per millilitre is imposed on vape," said the Prime Minister cum Finance Minister in a parliamentary written reply dated July 9.

The 40sen excise duty came into effect on May 1, 2023.

"The total tax collection from vape liquid from 2021 to 2024 is RM141.1mil. Of this, RM32.51mil was from liquid without nicotine, and RM58.55mil was from vape liquid with nicotine," he said.

Electronic and non-electronic smoking devices, including vapes, are subject to excise duties, which are imposed at an "ad-valorem" rate of 10%. This came into effect on Jan 1, 2021.

Anwar said the Control of

Smoking Products for Public Health 2024 (Act 852) was gazetted on Jan 2, 2024.

"The Health Ministry is finalising smoking product rules under the Act, which entails regulation on vape products," he said.

"Both the Act and the rules are expected to be enforced in August 2024. Once this regulation comes into effect, the regulatory mechanism on vape products will become more comprehensive

and effective," he added.

Anwar said the tax collection would be channelled to the government's consolidated fund, as required by Article 97(1) of the Federal Constitution.

He was responding to Datuk Wan Saiful Wan Jan (PN-Tasek Gelugor) on the tax collection from vape liquid, the steps taken to increase revenue and how the money is used towards improving the people's health.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

Call to lower minimum age for HIV testing from 18 to 16

► Council says move would enable early detection, improve health outcomes and help support at-risk adolescents and university students

■ BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Malaysian AIDS Council vice-president Dr Dinesh Mahalingam said authorities should lower the minimum age of consent for HIV testing from 18 to 16 without parental approval to address the increasing number of AIDS cases.

He said the measure would enable early detection and treatment, improve health outcomes and address the reality of younger adolescents and university students who are at risk of contracting the disease.

“Reducing the minimum age of consent would allow medical and health professionals to educate young people on safe sex and align with global trends advocating lower testing ages.”

Last week, Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zamby Abdul Kadir said based on notifications of cases reported to the Health Ministry, HIV infections among university students aged 18 to 25 increased by 24% in 2023.

“A total of 214 students in public or private higher education institutions were infected with HIV in 2020. Cases decreased to 186 in 2021 but increased to 221 in 2022 and 224 in 2023.”

Dinesh said approximately 32% of the 70,000 Malaysians living with



Sharifa Ezat said curiosity about sex among students and their engagement in high-risk sexual behaviour contribute to the increase in HIV infections among university students. —SYED AZAHAR SYED OSMAN/THE SUN

HIV were not seeking treatment and this remains an issue in Malaysia’s approach to HIV treatment.

He said despite significant scientific advancements, such as taking Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) in pill or injection form to reduce sexual transmission of HIV by 99%, social stigma remains a formidable barrier.

“This is especially true for young people and university students who may hesitate to seek services or support, which underscores the importance of addressing barriers to treatment and the need for targeted interventions to ensure those with HIV can access and adhere to treatment regimens.”

Universiti Kebangsaan Malaysia public health medicine specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said identifying high-risk students is challenging since many may not consent to being tested due to the stigma surrounding HIV.

She said many who are living

with HIV remain asymptomatic and this points to how crucial it is to implement strategies that protect student privacy, encourage voluntary testing and provide support.

“The efforts should involve coordination among multiple ministries to ensure they work seamlessly. High-risk students must have their privacy and future uncompromised, regardless of their HIV screening results.”

Sharifa Ezat said growing curiosity about sex among students and their engagement in high-risk sexual behaviour are the main factors contributing to the increase in HIV infections among university students.

She said the trend is reflected in the Global AIDS Monitoring 2023 report for Malaysia, which stated HIV infections are increasingly prevalent among key populations, and Asian Epidemic Modelling projections suggested that men

having sex with men would become the dominant mode of HIV transmission in Malaysia by 2030.

“The report highlighted that over three-quarters of new HIV infections in 2022 were among those aged between 20 and 39, with 42% of cases in the 20 to 29 age group and 32% in the 30 to 39 age group.

“From the Malaysian AIDS Foundation 2022 snapshot of HIV and AIDS, as many as 3,177 new HIV infections were detected in 2022, of which 336 were women or girls,” she said as she stressed the need for targeted interventions and awareness campaigns for young people and those at high risk.

She said it is important that those at high risk understand how their behaviour could affect their future, well-being and potential of contracting HIV and AIDS.

“It is essential to educate them early and provide PrEP to students or individuals deemed high risk.”